

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN HARI 4B MALAYSIA**  
**DI TANJONG KARANG SELANGOR**  
**16 MAC 2002**

-----

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dapat kita bertemu dalam Majlis yang besar dan indah ini untuk sama-sama menyambut pelancaran hari 4b Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Gerakan Belia 4B kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk berucap, seterusnya merasmikan majlis pada petang ini.

2. Perhimpunan ini memperlihatkan satu lagi pencapaian Gerakan Belia 4B setelah mencapai usia 36 tahun ditubuhkan. Gerakan Belia 4B hari ini dianggotai oleh lebih daripada 300,000 orang ahli dengan kira-kira 3,800 cawangan di seluruh negara. Nyatalah Gerakan Belia 4B merupakan sebuah pertubuhan belia peringkat nasional yang besar, ramai bilangan ahli, mempunyai barisan kepimpinan yang mantap, memiliki struktur organisasi yang kukuh serta mempunyai program kerja yang menyeluruh. Saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Gerakan Belia 4B yang berjaya menghidup dan meneruskan semangat kesukarelaan dalam mengendalikan organisasi dan gerak kerja untuk membangunkan negara dan insan, khususnya di kalangan remaja.

3. Saudara-saudari, belia Malaysia adalah harapan bangsa, harapan negara. Saudara-saudari adalah tenaga muda yang penuh potensi. Gabungan tenaga saudara- saudari adalah tenaga penggerak penuh perkasa. Gabungan minda saudara-saudari berupaya mencetuskan segala kemungkinan. Gabungan semangat saudara-saudari dapat meniupkan bara patriotisme terhadap negara. Gabungan suara saudara-saudari dapat meledakkan satu gerakan besar untuk kepentingan nusa dan bangsa. Bergeraklah dengan satu tenaga, satu minda, satu semangat dan satu suara untuk membawa nusa dan bangsa ke persada kecemerlangan dalam menghadapi era globalisasi di pentas dunia.

4. Badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan sukarela berperanan penting dalam usaha meningkatkan pencapaian kemajuan negara. Peranan badan-badan sukarela bertambah penting dan semakin mencabar dalam keadaan penduduk yang semakin terpengaruh terhadap imbuhan kebendaan. Gerak kerja yang terus dapat menyuburkan semangat kesukarelaan adalah penting sebagai landasan membuka kesempatan yang lebih luas untuk penyertaan rakyat, terutama golongan muda dalam gerak kerja dan kegiatan membangunkan sebuah negara.

5. Golongan Belia (mereka dalam lengkongan usia 15- 40 tahun) berjumlah lebih 10 juta orang, merupakan kira-kira 43 peratus dari jumlah penduduk negara. Adalah penting untuk tenaga yang tersimpan di kalangan warga remaja ini diberikan kesempatan untuk memberikan sumbangan produktif membangunkan negara Malaysia yang lebih gemilang dan cemerlang. Gerak kerja yang dapat memenuhi citarasa semasa dan idealisme kumpulan remaja perlu difikir dan diperkenalkan untuk menarik lebih ramai golongan remaja menyertai pertubuhan badan belia di tanah air.

6. 43 peratus golongan belia bukan sahaja besar dari segi komposisi penduduk. Malah golongan ini adalah tenaga paling energetik dari segi pemikiran, dari segi semangat, dan dari segi kekuatan fizikal. Dalam pada itu, kumpulan ini juga menjadi sasaran utama kepada segala pengaruh dari segi ideologi, budaya, nilai hidup dan idealisme. Golongan ini perlu mempunyai kekuatan minda dan rohani untuk menjadi benteng pertahanan paling utama menangkis segala bentuk agenda negatif dan pengaruh songsang.

7. Belia adalah pemimpin hari ini dan pemimpin masa hadapan. Tanggungjawab kepimpinan negara adalah untuk menyediakan saluran kerjasama yang erat di antara kerajaan dan golongan remaja supaya wawasan negara dapat difahami sepenuhnya oleh golongan belia dan kerajaan pula senantiasa peka terhadap hasrat dan aspirasi golongan muda. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab bersama di antara kepimpinan kerajaan dan kepimpinan belia menjalin satu rangkaian kerjasama berkesan dalam suasana permuafakatan dan musyawarah, secara tertib dan sopan, secara kritis tetapi membina, merangka agenda dan program kerja yang berkesan dan produktif untuk belia di negara kita.

8. Adalah penting untuk badan-badan belia menjadi wakil dan juru bicara kepada gerak hati dan denyut nadi kalangan belia. Hasrat ini akan dapat menjadi realiti melalui peluang yang lebih besar diberikan kepada kumpulan remaja untuk menerajui kepimpinan badan-badan belia di semua peringkat di dalam negara. Kesediaan memberi peluang kepada golongan remaja menerajui kepimpinan badan-badan belia akan membantu usaha untuk negara menyediakan barisan pelapis kepimpinan secara lebih tersedia dan lebih tersusun.

9. Atas hasrat untuk mencapai wawasan pembangunan negara secara berkesan, pemimpin belia hendaklah bersedia menjadi jambatan penghubung menterjemahkan wawasan pembangunan negara dalam program kerja dan kegiatan masing-masing di pelbagai peringkat. Persefahaman dan rangkaian kerjasama erat di antara kerajaan dan badan-badan belia akan dapat mempercepatkan pencapaian wawasan besar negara untuk menjadi sebuah negara maju.

10. Di pihak Kerajaan, agenda Pembangunan Belia mengikut yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan berteraskan tiga objektif utama, iaitu:-

- (i) Menerapkan nilai dan budaya murni di kalangan remaja;
- (ii) Mengupayakan masyarakat belia menguasai ilmu dalam usaha meningkatkan daya tahan dan daya saing mereka; dan
- (iii) Meningkatkan semangat setiakawan dan perpaduan di antara kaum untuk mengukuhkan kekuatan negara.

11. Saya meletakkan harapan di bahu Gerakan Belia 4B bersama badan-badan belia lain di negara kita supaya dapat mengaturkan gerak kerja untuk memenuhi agenda Pembangunan Belia, melalui gerak kerja berkesan yang dapat memberi nafas segar dan imej baru kepada kegiatan belia di tanahair, yang sesuai dengan citarasa dan gerak nadi golongan remaja, dan yang dilandaskan pula kepada pegangan agama dan nilai murni budaya setempat.

12. Badan belia yang dinamik, memerlukan pemimpin belia yang dinamik dan program belia yang dinamik. Program belia yang berkesan perlu melibatkan penyertaan ahli secara menyeluruh dan nyata. Gerak kerja belia yang bermakna memerlukan pengisian yang memperlihatkan hasil kerja secara ketara. Zaman beretorik dan berslogan telah berlalu. Badan belia yang ingin menyerlah perlu

mempunyai inovasi dan pembaharuan dalam pendekatan dan dalam pelaksanaan gerak kerja mereka.

13. Oleh itu, bersamalah kita mengikat janji, bersamalah kita melafaz ikrar, bersamalah kita menyemai azam, bersamalah kita memadu tekad, bersamalah kita membangunkan negara Malaysia merdeka yang bersatu dan harmoni, makmur dan sejahtera, aman dan sentosa, berdaulat dan perkasa.

14. MAKA Dengan harapan YANG besar itu, dan dengan lafaz Bismillahir rahman nirahim, saya dengan SEGALA sukacitanya melancarkan sambutan Hari 4B peringkat kebangsaan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.